



thinkCITY

# PROFIL PERUMAHAN AWAM Kita-untuk-Kita (K2K)


Geran Komuniti K2K

## Tentang Program


**Geran Komuniti K2K** memberi peluang kepada mereka yang berminat untuk memain peranan terus dalam peningkatan daya huni perumahan awam Malaysia, untuk turut serta dalam transformasi 10 lokasi sasaran K2K.

Program geran ini adalah sebahagian daripada Kita-untuk-Kita (K2K), sebuah program yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup komuniti perumahan awam. Program K2K ingin meningkatkan penglibatan komuniti dalam pengurusan perumahan awam mereka. Ini akan membolehkan komuniti bersama-sama dengan pihak pengurusan menyelesaikan cabaran sosial, ekonomi dan fizikal yang mereka hadapi. Program K2K mempunyai empat komponen: (1) Pemerkasaan Komuniti (2) Pengurusan Bersama Perumahan Awam (3) Ekonomi dan Pendapatan (4) Advokasi dan Pembaharuan Dasar.

# Tumpuan Geografi



KUALA LUMPUR



SELANGOR

Program ini hanya terbuka kepada projek yang dilaksanakan di dalam 10 perumahan awam sasaran K2K di kawasan Kuala Lumpur dan Selangor. Pemohon dikehendaki mencadangkan projek dalam kawasan sasaran.

## KUALA LUMPUR

- 1 PA Seri Selangor
- 2 PA Seri Sarawak
- 3 PA Hang Tuah
- 4 PPR Seri Cempaka
- 5 PA Seri Kota
- 6 PPR Taman Mulia
- 7 PA Seri Sabah 3A
- 8 PPR Desa Tun Razak

## SELANGOR

- 9 PPR Lembah Subang 1
- 10 PPR Kg. Baru HICOM

# Isu-isu

## Isu Pemerkasaan Komuniti

- Kurangnya semangat kekitaan dalam komuniti di sebabkan konflik penduduk yang masih belum dapat diselesaikan.
- Kekangan keyakinan diri dan isu-isu kesihatan mental telah menanam sikap pesimisme dan rasa tidak berdaya.
- Kekurangan peluang dan bahan untuk pembelajaran.
- Akses yang terhad kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) disebabkan oleh kekurangan infrastruktur yang inklusif.
- Keperluan kumpulan yang terpinggir dalam komuniti seperti ibu tunggal, OKU, warga emas, dan isi rumah yang diketuai oleh wanita seringkali diabaikan.
- Mekanisme komunikasi atau untuk membuat aduan kepada pihak berkepentingan utama yang terhad menyebabkan suara komuniti jarang didengar.

## Isu Kesejahteraan Komuniti

- Kelemahan penyelenggaraan infrastruktur dan penularan masalah sosial menyebabkan risiko keselamatan komuniti perumahan awam.
- Sistem pengurusan sisa yang lemah dan pembuangan sampah merata-rata menjadikan kesihatan penduduk dan kebersihan persekitaran.
- Ruang sosial yang terhad untuk pelbagai kumpulan minoriti komuniti perumahan awam seperti warga emas, ibu-ibu, kanak-kanak, dan sebagainya.
- Kekurangan pemahaman tentang kesihatan dan kesejahteraan jangka panjang, disebabkan waktu bekerja yang ganjil dan gaya hidup yang sibuk.



# PA Seri Selangor

thinkCITY

## Populasi

~4335

## Unit

1588

## Blok

6

## Tingkat

16

## Huraian

Dibina pada tahun 1975, dan dikenali sebagai Rumah Pangsa San Peng, kebanyakan penyewa asal telah berumur atau telahpun berpindah, dan komuniti kini berpecah-belah. Berbanding dengan kompleks perumahan awam yang lain, PA Seri Selangor menempatkan peratusan penduduk Cina dan India yang ramai.

Persatuan Penduduk (RA) dan Rukun Tetangga aktif menjalankan program untuk komuniti setempat seperti kelas futsal untuk golongan belia. Pertubuhan-pertubuhan berasaskan komuniti turut menjalankan inisiatif lain seperti program kitar semula dan kutipan minyak masak terpakai yang bertujuan memperbaiki taraf kebersihan dan memberi peluang untuk pendapatan sampingan.

Antara kemudahan yang disediakan termasuk dua gelanggang futsal, satu ruang tempat duduk terbuka, satu taman permainan, satu kawasan pentas untuk acara, dua kuil Hindu, satu tokong Cina dan satu surau kejiranan yang dikongsi. PA Seri Selangor juga mempunyai satu komplek perniagaan, balai polis tempatan, dan dekat dengan hab tekstil.

Lokasi: <https://maps.app.goo.gl/tbky82KL2cNzR5vu7>



# PA Seri Sarawak

thinkCITY

## Populasi

~2882

## Unit

776

## Blok

3

## Tingkat

16

## Huraian

Dibina pada tahun 1984, kompleks ini berkongsi ruang dengan PA Loke Yew dan terletak berdekatan dengan tiga sekolah, hab tekstil dan perkhidmatan awam. Terdapat Persatuan Penduduk (RA) dan Rukun Tetangga yang aktif menjalankan pelbagai program untuk masyarakat seperti pemeriksaan kesihatan dan acara kemasyarakatan.

Bangsa Melayu adalah majoriti di sini, tetapi ada juga jumlah penduduk yang besar dalam kalangan bangsa Cina dan India.

Kemudahan termasuk satu gelanggang futsal, satu taman permainan, satu taman komuniti, satu halaman terbuka dan satu dewan komuniti.

Think City telah bekerjasama dengan PA Seri Sarawak sejak 2018, menyumbang kepada pembangunan kebun komuniti, dewan komuniti, program peningkatan punca pendapatan, dan yang terbaru, program penambahbaikan ruang awam.

Lokasi: <https://maps.app.goo.gl/VvJJSC4DVp6rn4sy9>



# PA Hang Tuah

thinkCITY

Populasi	Huraian
~873	Dibina pada tahun 1969, ia merupakan salah satu kompleks perumahan awam yang tertua di Pudu. Reka bentuknya masih mempunyai komponen kayu dan lokasinya terletak bersebelahan dengan Stesen LRT Hang Tuah. Terdapat Persatuan Penduduk (RA) dan Rukun Tetangga yang aktif menjalankan pelbagai program untuk komuniti.
Unit 783	Demografi terdiri daripada komposisi etnik yang pelbagai, dengan kehadiran golongan kurang upaya serta warga emas.
Blok 2	Kemudahan yang disediakan termasuk satu taman serbaguna dengan kawasan permainan kanak-kanak, satu gelanggang futsal, ruang tempat duduk terbuka, satu gimnasium terbuka, satu bilik komuniti, satu kuil Buddha, dan satu kuil Hindu terkemuka – yang merupakan pusat keagamaan terbesar di kawasan kejiranan ini. Disebabkan kekangan ruang, tiada surau di PA Hang Tuah dan umat Islam biasanya akan pergi ke Masjid Al-Bukhary yang terletak di seberang Jalan Hang Tuah untuk menuaike kewajipan agama mereka.
Tingkat 16	Think City telah bekerjasama dengan PA Hang Tuah sejak 2021, dan projek paling terkini adalah membaiki taman serbaguna mereka untuk menjadi ruang yang lebih mesra dan berfungsi.

Lokasi: <https://maps.app.goo.gl/oPPsLwksUSKSEy9UA>



# PPR Seri Cempaka

thinkCITY

Populasi	Huraian
~2528	Dibina pada tahun 2009 di sepanjang Jalan Kampung Pasir, PPR Seri Cempaka terdiri daripada dua blok, setiap satunya menampilkan dua menara bersambung yang dihubungkan oleh koridor yang luas. Komposisi etnik kebanyakannya adalah Melayu, dengan sebahagian kecil orang India.
Unit	Masyarakat dalam PPR ini mendapat manfaat daripada penglibatan aktif pelbagai pertubuhan berdasarkan komuniti, seperti Persatuan Penduduk (RA), Rukun Tetangga, Jawatankuasa Surau, Pertubuhan Komuniti dan Kebajikan Seri Cempaka (PKKSC), dan kumpulan belia bernama Persatuan Belia Seri Cempaka (PBSC). Kemudahan termasuk satu surau, satu dewan surau, tiga kebun komuniti dan dua gelanggang futsal. Tapak ini juga menyediakan sebuah tadika dan sebuah taska.
Blok	Kelihatan ramai yang terlibat dalam perniagaan kecil-kecilan – ada perniagaan yang dijalankan dari rumah, manakala ada yang memiliki gerai di sepanjang rizab jalan di sekitar PPR Seri Cempaka.
Tingkat	Lokasi: <a href="https://maps.app.goo.gl/qLEVxg12sTbXauXq9">https://maps.app.goo.gl/qLEVxg12sTbXauXq9</a>



# PA Seri Kota

thinkCITY

## Populasi

~6394

## Unit

1224

## Blok

6

## Tingkat

17

## Huraian

Dibina pada tahun 1985, kompleks blok ini diselenggara dengan baik, menampilkan pintu masuk yang menarik dihiasi dengan taman, landskap yang baik, dan beberapa ruang tempat duduk berteduh.

Persatuan Penduduk (RA) dan Rukun Tetangga mereka aktif. RA patut diberi perhatian kerana menjadi RA pertama di Bandar Tun Razak yang dipimpin oleh wanita. Beberapa pertubuhan yang terkemuka telah bekerjasama untuk menawarkan bantuan di dalam kawasan PA Seri Kota. Ia juga terletak berdekatan dengan LRT Bandar Tun Razak dan PPR Taman Mulia.

Kemudahan termasuk dua gelanggang futsal, tiga gelanggang badminton, dua taman permainan, satu tadika, satu klinik komuniti, satu pentas luar, dua balai raya, dan satu surau. Pelongsor sampah di kompleks ini juga masih beroperasi.

Think City telah bekerjasama dengan PA Seri Kota sejak 2021 melalui program Bakul K2K yang menyediakan bakul makanan berkhasiat pada harga yang berpatutan kepada komuniti tersebut.

Lokasi: <https://maps.app.goo.gl/ZGJuA6qnPZfJMXgP9>



# PPR Taman Mulia

thinkCITY

## Populasi

~4223

## Unit

912

## Blok

2

## Tingkat

21

## Huraian

Dibina pada tahun 2000, PPR ini terdiri daripada dua blok, setiap satunya menempatkan tiga menara yang bersambung melalui koridor sempit. Reka bentuknya, walaupun padat, menawarkan ruang terbuka yang terhad, dengan kebanyakan kawasan awam menunjukkan tanda-tanda pengabaian, kecuali kawasan taman.

PPR Taman Mulia mempunyai populasi Melayu yang dominan. Kompleks ini bertolak ansur antara penyewa asal, pembeli dan penyewa. Aktiviti dan program di sini diketuai oleh Persatuan Penduduk (RA) dan Rukun Tetangga, dengan sokongan Badan Pengurusan Bersama (JMB).

Dari segi kemudahan, terdapat taman permainan, dewan serba guna, dewan sembahyang, surau, bilik RT, bilik RA, tempat letak kereta bertingkat (dengan bayaran bulanan), gelanggang badminton (sewa setiap jam), gelanggang futsal (sewa setiap jam), dan taman komuniti.

PPR Taman Mulia terletak bersebelahan LRT Bandar Tun Razak, Pusat Komersial Komuniti Bandar Tun Razak, dan kawasan komersial Taman Mulia.

Lokasi: <https://maps.app.goo.gl/NhnPR1qxdFaWwoEK6>



# PA Seri Sabah 3A

thinkCITY

## Populasi

~4075

## Unit

816

## Blok

4

## Tingkat

17

## Huraian

PA Seri Sabah 3A dikelilingi oleh kompleks perumahan dan komersial dan laluan kereta api disambungkan ke jalan-jalan utama (Jalan Loke Yew dan Jalan Cheras). Komposisi etnik di sini kebanyakannya adalah Melayu, dan seterusnya bangsa Cina, diikuti oleh bangsa India, dan sebahagian kecil kumpulan etnik lain.

Terdapat Persatuan Penduduk (RA) dan Rukun Tetangga. Kompleks ini menampilkan ruang terbuka yang diselenggara dengan baik, serta Pusat Ekonomi Digital (PEDi) dengan kemudahan komputer. Kemudahan lain termasuk satu taman permainan, satu gelanggang bola keranjang, satu gelanggang futsal, satu gelanggang badminton, satu gelanggang sepak takraw, satu gelanggang bola tampar dan satu dewan komuniti.

Lokasi: <https://maps.app.goo.gl/3RePJRMz8YEcR1p29>



# PPR Desa Tun Razak

thinkCITY

Populasi	Huraian
~9000	Kawasan binaan pangsapuri ini adalah 560 kaki persegi. Penduduk di sini pertama kali berpindah sewaktu Sukan Komanwel Kuala Lumpur 1998. Walaupun PPR ini asalnya dibina sebagai rumah transit, kebanyakan penduduk terus kekal tinggal di sini sehingga hari ini. Terdapat bilangan masyarakat Cina dan India yang ramai, tetapi bangsa Melayu mewakili majoriti yang terbesar.
Unit 1800	PPR Desa Tun Razak pernah mempunyai kawasan lapang yang besar tetapi telah digantikan dengan tempat letak kereta bertingkat (dengan gelanggang futsal dan badminton di atas). Kemudahan lain termasuk taman permainan kecil dan perpustakaan awam. Terdapat juga kemudahan berdekatan seperti sekolah dan masjid.
Blok 4	Terdapat pelbagai pertubuhan berdasarkan komuniti yang aktif di sini, seperti Persatuan Penduduk (RA), Rukun Tetangga, Kelab AADK (Agensi Antidadah Kebangsaan), Kumpulan Marhaban, Persatuan Wanita Jaya, Kelab Belia Detura, Pertubuhan Sahsiah, Persatuan Ibu Tunggal, dan Pertubuhan Kebajikan dan Sosial Masyarakat Berhati Rakyat Kuala Lumpur.
Tingkat 21	

Lokasi: <https://maps.app.goo.gl/ZfXTUX2Trkkq8XiX9>



# PPR Kg. Baru HICOM

Populasi	Huraian
~4900	PPR Kg. Baru HICOM terletak berhampiran sungai Klang, penempatan Kampung Baru HICOM, dan kawasan komersial ringan. Sebelum dibina, Kampung Baru HICOM mengalami banjir teruk, sehingga pemindahan kecemasan perlu dijalankan. Pada tahun 2000, kerajaan telah campur tangan dengan pembinaan empangan sungai, pemberian jalan dan peningkatan paras jalan sebanyak 3 kaki.
980	
Unit	
Blok	PPR HICOM pernah menempatkan seketika beberapa penduduk kampung dan setinggan dari Padang Jawa; kebanyakannya kembali ke penempatan asal mereka, manakala kira-kira satu pertiga antara mereka memilih untuk terus tinggal di situ. Pembinaan PPR HICOM dimulakan dan siap sekitar 2005 oleh Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS) bawah kerajaan Negeri Selangor, dan para penduduk menerima hak milik tanah dan kemudahan penting. Kemudahan di sini merangkumi sebuah musollah, tiga dewan komuniti, tiga gelanggang serbaguna, dan dua taman permainan.
3	
Tingkat	
16 (Blok A & C)	
17 (Blok B)	Terdapat beberapa pertubuhan berdasarkan komuniti yang aktif di sini, termasuk Persatuan Penduduk (RA), Rukun Tetangga, PERWACOM (Persatuan Wanita PPR HICOM), dan kolektif lain seperti Kumpulan Sahabat Prihatin dan Kelab Ketua Belia. Dari segi demografi, majoriti masyarakat adalah Melayu, diikuti oleh bangsa minoriti komuniti India dan Cina.

Lokasi: <https://maps.app.goo.gl/ijVKCQn5dUCwayB1A>

Untuk bacaan lanjut, sila layari: [Kajian Kes PPR HICOM](#)



# PPR Lembah Subang 1

thinkCITY

Populasi	Huraian
~12016	Kompleks ini terdiri daripada lapan blok, setiap satunya mempunyai dua menara yang bersambung. Lokasinya yang berhampiran Stesen LRT Lembah Subang menjadikan ia tempat strategik untuk kedai setempat. Disebabkan kekurangan sambungan antara semua blok, setiap blok beroperasi secara dikari dengan Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga, dan pertubuhan lain-lain sendiri.
Unit 3004	
Blok 8	Kemudahan di PPR Lembah Subang 1 termasuk padang futsal, dua taman permainan, tiga dewan komuniti, tiga surau, dan satu kuil Hindu. Terdapat pelbagai program oleh pelbagai NGO yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk melalui pendidikan, pemberdayaan ekonomi, dan sebagainya.
Tingkat 17	

Lokasi: <https://maps.app.goo.gl/pq9EBX37vt4Sum4z6>



**Penafian:**

Maklumat yang dibentangkan di dalam dokumen ini adalah berdasarkan pemerhatian lokasi dan temu bual komuniti oleh pasukan K2K dan semata-mata sebagai rujukan bakal pemohon geran untuk memahami dinamik sejarah dan kontemporari lokasi tersebut. Sebarang penyebaran, pengedaran atau penggunaan kandungan tanpa kebenaran adalah dilarang sama sekali.

*Pengumpulan data komprehensif tapak masih diteruskan pada tarikh dokumen ini diterbitkan.*

**Dasar Tiada Petikan:**

Pemetikan, rujukan, atau penerbitan semula mana-mana bahagian dalam dokumen ini tanpa kebenaran jelas secara bertulis daripada Think City adalah dilarang sama sekali.

**Maklumat Perhubungan:**

Bagi apa-apa pertanyaan mengenai penggunaan atau penerbitan semula kandungan dalam dokumen ini, sila hubungi pasukan K2K di [kita2kita@thinkcity.com.my](mailto:kita2kita@thinkcity.com.my).

Diterbitkan pada: 31hb Januari 2024